

Parti Sosialis Malaysia Semenyih

Pusat Khidmat Rakyat PSM cawangan Semenyih
& ahli majlis kawasan Semenyih.

Berkhidmat kepada penduduk Kajang, khususnya
di sekitar kawasan Semenyih. Kebajikan rakyat
diutamakan.



Wednesday, April 23, 2008

Pilihanraya Di DUN Semenyih: Satu Pengalaman, Satu Pengajaran

Pada PRU Ke-12 yang lepas, banyak parti dan calon telah berkempen untuk memancing undi dari rakyat. Namun, calon dari PSM mempunyai cara tersendiri untuk membuat kempen. Kami yang berkempen di Semenyih, terutamanya Sdr. Arutchelvan, calon yang bertanding berpendapat bahawa adalah penting untuk kita memperkasakan rakyat semasa kempen dan tidak membuat janji-janji manis semata-mata untuk meraih undi. Peluang ini juga kami juga untuk menunjukkan contoh seorang calon sosialis berkempen.



Walaupun kami kalah dengan majoriti undi sebanyak 1140, rasanya adalah tidak salah kalau kami berkongsi sedikit pengalaman kempen pilihanraya di Semenyih.

1. Pemilihan Kawasan Bertanding

Semua calon PSM hanya boleh bertanding di kawasan ia telah membuat kerja akar umbi sekurang-kurang lima tahun. Jadi Semenyih bukanlah kawasan baru bagi kami.

2. Kerja-kerja awalan Pilihanraya



Kami telah memulakan kerja-kerja awalan sejak penghujung tahun 2007 lagi. Apabila pilihanraya diumumkan, dan pada masa ramai calon mencari bilik gerakan kami sudah pun mempunyai bilik gerakan yang lengkap dengan kemudahan yang disumbang oleh masyarakat setempat. Perkara ini juga disebabkan kerana Semenyih memang tempat kami membuat kerja akar-umbi.

3. Sukarelawan

Semua orang yang membantu kami secara aktif adalah

sukarelawan. Bilik gerakan kami sentiasa dipenuhi oleh orang yang telah menghulurkan tangan mereka tanpa mengharapkan wang. Namun, kami juga menghadapi masalah orang yang datang meminta peruntukan dan wang, kerana mereka telah biasa dengan budaya ini. Tetapi, kami telah pastikan budaya ini tidak harus diteruskan. Kami ada cara kami untuk menghargai sukarelawan kami. Lebih kurang 150 orang sukarelawan telah membantu kempen di Semenyih.



4. Pakaian Calon

Ramai yang mempersoalkan cara Sdr. Arul berpakaian. Ia juga mendapat perhatian media pada hari penamaan calon. Sdr. Arul seperti biasa hanya berpakaian t-shirt dan track-bottom dengan seliparnya. Ada yang meminta beliau menukar cara berpakaian hanya semasa pilihanraya. Tetapi bagi Sdr. Arul, beliau tidak mahu menipu pengundinya, semata-mata meraih undi. Mungkin penampilannya tidak menggambarkan kewibawaan beliau, tetapi bagi mereka yang berinteraksi dengannya, mendengar ceramahnya pasti akan menukar fikiran mereka. Cara pakaian simple ini

Hubungi Kami (Contact)

EMAIL

psmsemenyih@gmail.com

TEL

03-87237791


012-3797310

019-2612259

WAKTU OPERASI

Isnin: 10 am -6 petang
Perjumpaan bersama Sdr Arul
setiap hari Selasa selepas 12 pm

Facebook




Twitter



menjadi trademark bagi Arul.

5. Pengisytiharan Harta

Mungkin kini selepas pilihanraya ramai yang menyebut tentang perisytiharan harta. Namun di Semenyih, Sdr. Arul (begitu dengan calon PSM yang lain), telah mengisytiharkan harta



mereka sebelum pilihanraya lagi.

Di Semenyih papan tanda yang pengisytiharan harta Sdr. Arul dinaikkan untuk tatapan orang ramai.

6. Akur Janji

Kami tidak memberi janji-janji manis kepada para pengundi. Sebaliknya, kami memberikan komitmen untuk sama-sama menyelesaikan masalah rakyat sekiranya menang. Oleh itu, Sdr. Arul telah membuat akur janji secara hitam putih kepada penduduk sebagai bukti komitmen beliau. Ramai yang terpegun melihat calon PSM ini berani menurunkan tandantangannya. Malah, akur janji itu sendiri mengatakan rakyat Semenyih boleh menyaman calon mereka sekiranya tidak mengotakan janji beliau.



7. Isu Perkauman

Satu perkara yang menjadi 'pantang' bagi calon PSM adalah menyentuh isu

perkauman. Sdr. Arul tidak sekali pun menyentuh isu perkauman atau menjadi opportunist untuk meraih undi. Berlatarbelakangkan kebangkitan HINDRAF dan sebagai seorang berbangsa India, Sdr. Arul tidak pernah mengeksploitasi isu ini demi kepentingan peribadinya dan juga tidak cuba menjadi hero kaum India. Sebaliknya, kami terus meletakkan perjuangan kelas sebagai isu utama dan landas perjuangan.



Dan ada banyak lagi perkara yang telah kami tonjolkan sebagai calon sosialis dan yang banyak juga telah kami belajar. Mungkin ada yang tertanya-tanya, jika betul apa yang disebutkan ia atas mengapa PSM kalah di Semenyih? Memang sukar menjawab soalan ini....memang ia juga menimbulkan rasa frustration terutamanya di kalangan mereka yang berkempen secara aktif di Semenyih. Lebih-lebih lagi Sdr. Arul yang memang terkenal dengan kerja akar-umbunya dan penglibatannya dalam perjuangan masyarakat sehingga ke peringkat nasional. Ramai aktivis lain menangmengapa Arul kalah?

Kami tidak mempunyai jawapan yang tepat tapi apa kami boleh cuba menjawab....Pertama DUN Semenyih merupakan kawasan luar bandar yang separuh UPUnya adalah kampung tradisi Melayu. Kami gagal meraih undi di sini. Bukan kami saja, keputusan menunjukkan calon PAS juga menghadapi masalah yang sama.

Kedua...kami mendapat tentangan hebat dari PKR di peringkat tempatan yang menganggap kami telah 'mencuri' kerusi mereka. Walaupun perkara ini telah dibincang dan diselesaikan secara baik di peringkat atasan kedua-dua parti, di Semenyih perkara ini memang menjadi satu cabaran kepada kami dan pastinya menyebabkan kami kehilangan undi.



Walaupun, semua ini menjadi ikhtibar kepada kami. Kini, kami meneruskan perjuangan. Pusat Perkhidmatan PSM Semenyih telah beroperasi. Kadang-kadang kami keliru sama ada kami betul-betul kalah, kerana begitu ramai orang yang mengunjungi pusat perkhidmatan dan ramai juga yang mencari Sdr. Arul untuk menyelesaikan masalah mereka. Bagi kami...perjuangan berterusan....

Like 0



Posted by PSM Semenyih at 4/23/2008 08:43:00 AM

No comments:

Tweets from @PSMenyih12

PSM Seme...
(· Jul 18, 2018



Governor, Bank Negara Malaysia: Bank Negara Malaysia reinstate Kohila ! STOP Workplace Victimization

secure.avaaz.org
GST Abolished! Bank Negara Malaysia reinstate Kohila !



Sumbangan Tabung Perjuangan Rakyat



Hong Leong Bank - 20100019070

CUKAI GST: CUKAI YANG MISKINKAN RAKYAT